

☒ Berita Harian
☐ Berita Minggu
Tarikh: 7/6/2012
Hari: HAMIS MIS: N3
Ruangan: WILAYAH

PMBKed sasar 100 peserta Usahawan Tani Muda

BUKIT KAYU HITAM: Kedah Agro Holdings Bhd (PMBKed) mensasarkan 100 peserta mengikuti program Usahawan Tani Muda Kedah untuk peringkat kedua di Ladang Buah-buahan Kedah Agro Bukit Tangga, di sini tahun depan.

Sebagai permulaan, tahun ini seramai 15 peserta terdiri daripada golongan muda berusia 20 hingga 30 tahun yang berminat dan sanggup mengusahakan tanaman dilatih di ladang berkenaan sejak empat bulan lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif PMBKed, Datuk Shahabudin Shafie, semua peserta dipilih berdasarkan maklumat daripada pejabat daerah dan ketua kampung.

Antara tanaman yang diusahakan di kawasan seluas 323.74 hektar yang dikendalikan PMBKed itu adalah betik, nenas, cili dan terung.

"Kami mahu melatih seramai mungkin tenaga muda untuk menyertai sektor pertanian, sekali gus membantu negara meningkatkan pengeluaran makanan," katanya, di sini semalam.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Keberangkatan Pengerusi Jemaah Pemangku Sultan Kedah, Tun

Sri Tunku Annuar Sultan Badlishah ke ladang berkenaan.

Hadir sama, Menteri Besar, Datuk Seri Azizan Abdul Razak.

Shahabudin berkata, peserta diberi kemudahan tempat tinggal di asrama, selain hasil tanaman akan dipasarkan sendiri oleh mereka.


"Kami hanya akan mengenakan caj pengurusan tanaman bergantungan kepada hasil tanaman yang dituai, manakala hasil selebihnya akan dijual sendiri oleh peserta.

"Kami harap hasil pertama yang diperolehi selepas enam bulan tanaman diusahakan, mampu memberikan pulangan lumayan," katanya.

Shahabudin berkata, bagi menggalakkan lebih ramai peserta menyertai skim latihan itu tahun depan, pihaknya bercadang mengadakan kerjasama dengan beberapa institusi pengajian tinggi (IPT).

"Buat masa ini ia masih berada pada peringkat perbincangan dan berkemungkinan kerjasama berkenaan akan dibuat dengan Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Kolej Pertanian Bukit Tangga yang diketuai oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani," katanya.

• NORSEHA ISMAIL / BERTAHARIAN



TUNKU ANNUAR (kanan) memetik betik dalam program Pertanian Negeri Kedah ke Arah Model Belanda Timur di Ladang Buah-Buahan Kedah Agro, Bukit Tangga Mukim Temin.